



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**HARGA RUNCIT RON97 DAN DIESEL MENINGKAT SEBANYAK 3 SEN SELITER
BAGI TEMPOH 18 SEPTEMBER 2025 HINGGA 24 SEPTEMBER 2025**

Seiring dengan peningkatan harga pasaran minyak dunia, **Kerajaan menetapkan harga runcit petrol RON97 pada RM3.21 seliter manakala harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia pada RM2.93 seliter.** Harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia masih kekal rendah berbanding harga diapungkan pada 10 Jun 2024 iaitu sebanyak RM3.35 seliter.

Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan menyelaras harga runcit petrol RON97 dan diesel dengan mengambil kira pergerakan harga pasaran minyak dan juga menyokong kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **18 September 2025 hingga 24 September 2025** adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM3.18 seliter kepada RM3.21 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter;
- (iii) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM2.90 seliter kepada RM2.93 seliter; dan
- (iv) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada paras RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

17 September 2025